

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



ISU PENGUASAAN KOSA KATA BAHASA ARAB PELAJAR
UITM DAN APLIKASI *MUFRADATI*

*THE ISSUE OF UITM STUDENTS' ARABIC VOCABULARY MASTERY AND
MUFRADATI APPLICATION*

Muhamad Khairul Anuar Zulkepli^{1*}, Mohd Zulkhairi Abd Hamid², Burhanuddin Wahab³, Ahmad Fauzi Yahaya⁴, Norhayuza Mohamad⁵

¹ Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia
Email: mkaz@uitm.edu.my

² Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia
Email: mzulkhairi@uitm.edu.my

³ Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia
Email: burhan053@uitm.edu.my

⁴ Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia
Email: fauzi559@uitm.edu.my

⁵ Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, Malaysia
Email: norha571@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.10.2023

Revised date: 13.11.2023

Accepted date: 30.11.2023

Published date: 14.12.2023

To cite this document:

Zulkepli, M. K. A., Abd Hamid, M. Z., Wahab, B., Yahaya, A. F., & Mohamad, N. (2023). Isu Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Uitm Dan Aplikasi *Mufradati*. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 8 (52), 350-362.

DOI: 10.35631/IJEPC.852027

Abstrak:

Penguasaan kosa kata bahasa Arab merupakan elemen utama untuk memahami bahasa tersebut. Kelemahan perbendaharaan kata dikaitkan dengan kelemahan kosa kata. Malah, isu penguasaan kosa kata bahasa Arab merupakan isu tradisi yang dibangkitkan oleh pengkaji terdahulu dan ia berterusan sehingga kini. Perkara ini juga dilihat berlaku di institusi pengajian tinggi khususnya di UiTM Kedah khususnya. Dalam usaha menangani masalah ini, ia memerlukan satu langkah untuk merungkaikan isu perbendaharaan kata pelajar dan mencari jalan penyelesaian untuk membantu mengatasi masalah tersebut. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan isu penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar UiTM Kedah dan mewujudkan satu platform khas pembelajaran kosa kata. Kajian ini berasaskan pendekatan kuantitatif menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama pengumpulan data. Seramai 144 orang pelajar merupakan responden dan data yang dikumpul dibincangkan secara deskriptif menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for Social Sciences*) versi 28. Hasil kajian menunjukkan interpretasi sederhana tinggi terhadap isu penguasaan kosa kata bahasa Arab yang membawa kepada kewujudan platform kosa kata Arab yang disebut *Mufradati*.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Implikasi kajian ini dapat menjadi sokongan kepada bahan bantu belajar yang boleh dipraktikkan dalam kalangan pelajar.

Kata Kunci:

Kosa Kata Arab, Isu, Platform, Aplikasi, *Mufradati*

Abstract:

Mastery of Arabic vocabulary is a key element to understanding the language. Vocabulary weakness is associated with vocabulary weakness. In fact, the issue of Arabic vocabulary mastery is a traditional issue raised by previous researchers and it continues until now. This is also seen to happen in institutions of higher learning, especially at UiTM Kedah in particular. In an effort to deal with this problem, it requires a step to unravel the issue of students' vocabulary and find a solution to help overcome the problem. Thus, this study aims to explain the issue of Arabic vocabulary mastery among UiTM Kedah students and create a special platform for vocabulary learning. This study is based on a quantitative approach using questionnaires as the main instrument for data collection. A total of 144 students were the respondents and the collected data was discussed descriptively using SPSS software (*Statistical Package for Social Sciences*) version 28. The results of the study showed a moderate to high interpretation of the issue of Arabic vocabulary mastery which led to the existence of an Arabic vocabulary platform called *Mufradati*. The implications of this study can be support for learning aids that can be put into practice among students.

Keywords:

Arabic Vocabulary, Issue, Platform, Application, *Mufradati*

Pengenalan

Dunia hari ini memaparkan kecanggihan dan transformasi teknologi yang serba maju dan terus berkembang lantas memonopoli segala aspek kehidupan. Teknologi tersebut terus berkembang dan ia diwarisi oleh generasi demi generasi yang menjadi peneraju kepada kemajuan sesebuah bangsa dan negara. Kemajuan yang terserlah ini mempengaruhi sistem pendidikan Malaysia kini hingga membawa kepada perubahan demi perubahan dunia pendidikan hingga institusi pengajian tinggi.

Teknologi berkonsepkan aplikasi masa kini wujud dengan variasi aneka telah tumbuh bagaikan cendawan. Kemunculan aplikasi ini menunjukkan percambahan teknologi semakin mewarnai dan memenuhi ruang perspektif kehidupan. Sebagaimana diutarakan oleh Mohd et.al (2022), aplikasi mudah alih sudah menjadi salah satu keperluan dalam kehidupan yang boleh diambil manfaat. Pada dasarnya, kemunculan aplikasi bukan sekadar dimanfaatkan kepada komunikasi sahaja malah, ia meliputi beberapa aspek lain seperti pembelian dalam talian, pembayaran bil, pencarian maklumat dan sebagainya. Selain itu, aspek pendidikan juga antara aspek yang boleh dimanfaatkan bersama teknologi berkonsepkan aplikasi ini.

Konsep teknologi yang dimaksudkan ini dapat dilihat pada pembangunan aplikasi dalam telefon pintar yang semakin mudah dikecapi. Justeru, ia menjadi keistimewaan yang perlu direbuti oleh mahasiswa-mahasiswa insituti pengajian tinggi khususnya dalam pengajian dan pembelajaran. Antara skop pembelajaran yang boleh diimplementasikan teknologi ini ialah

pembelajaran kosa kata dalam bahasa khususnya bahasa Arab. Hal ini sejajar dengan kenyataan oleh Ewais dan Troyer (2019). Menurutnya, salah satu pendekatan atau kaedah pembelajaran yang boleh memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran ialah menerusi aplikasi mudah alih. Hakikatnya, ia dianggap sebagai satu kelebihan dalam pembelajaran klasik seperti papan putih, buku nota, buku teks dan lain- lain.

Dalam hal ini, Azzikri (2019) turut mengulas bahawa transformasi teknologi masa kini mendorong para pendidik dan para pelajar supaya tidak terlepas pandang dengan teknologi sebagai usaha meningkatkan kualiti pendidikan yang cemerlang. Salah satu kriteria pengajaran berkesan ialah menterjemahkan elemen media sebagai alat bantu dalam pengajaran dan pembelajaran. Kepentingannya mendapat sambutan dan memenangi hati para pendidik dan para pelajar. Kewujudan teknologi bukan hanya dimanfaatkan dalam kehidupan malah, dunia pengajaran dan pembelajaran juga turut beroleh manfaat bersama.

Melihat kepada dunia pembelajaran bahasa Arab hari ini, Afaria (2020) menjelaskan penjelasan bahawa menjadi satu tuntutan kepada pelajar untuk menguasai dan menambahkan saiz kosa kata bahasa Arab. Perbendaharaan kata boleh diertikan kepada platform berfikir dan ia diperoleh daripada kemahiran asas iaitu berkomunikasi, mendengar, membaca dan menulis. Kenyataan Afaria (2020) selari dengan pandangan Koderi (2021). Menurutnya, elemen bahasa Arab yang tidak boleh dipisahkan ialah kosa kata yang perlu dikuasai untuk memudahkan pelajar-pelajar mengaplikasikannya. Penguasaannya membantu para pelajar untuk mencapai kemahiran asas iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Dalam perkara ini, elemen lain juga perlu diterapkan iaitu media pembelajaran untuk membantu pelajar daripada lupa kosa kata yang dipelajari.

Apa yang dilontarkan ini boleh dikaitkan dengan gaya pembelajaran bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Kedah khususnya. Pembelajaran klasik berbentuk papan putih, buku teks dan pembentangan slaid topik-topik pembelajaran mendorong kepada kurangnya rasa minat terhadap pembelajaran bahasa Arab. Dari konteks penguasaan kosa kata bahasa Arab, kualiti kosa kata pelajar-pelajar UiTM Kedah dapat dilihat melalui penghasilan draf penulisan skrip lakonan bahasa Arab yang dihasilkan. Penulisan tersebut menggambarkan tahap penguasaan kosa kata yang kurang memuaskan seolah-olah para pelajar tidak mengambil endah dan menitikberatkan kepentingan kosa kata dalam pembelajaran serta penggunaannya. Tambahan lagi, penulisan draf skrip lakonan bahasa Arab tersebut juga bergantung sepenuhnya kepada platform terjemahan dalam talian semata-mata walhal kosa kata yang diperolehi itu ialah kosa kata yang telah dipelajari dalam tajuk-tajuk pembelajaran dan buku teks atau modul. Demikianlah gambaran yang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab.

Tinjauan Literatur

Pembelajaran yang melibatkan kosa kata dalam kalangan penutur bukan jati bahasa Arab khususnya dalam kalangan pelajar bukan isu baru. Hal ini telah ditemui dan dirungkaikan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dan ia diteruskan hingga kini. Kebanyakan pengkaji konsensus dengan mengatakan bahawa penguasaan kosa kata dan penguasaan bahasa amat berkait rapat. Perkara ini ditegaskan oleh Aizan et.al (2018) dan Zaini et.al (2016) kerana kemampuan bahasa individu berkait dengan jumlah kosa kata yang dikuasainya.

Dalam kajian Samah et.al (2023), beliau ada menghuraikan aspek penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam bidang sastera dalam kalangan pelajar ijazah sarjana muda bahasa arab di salah

sebuah universiti awam. Dalam kajian ini, satu ujian dijalankan bertujuan untuk mengetahui penguasaan kosa kata pelajar yang berulang dalam bidang sastera Arab. Beberapa perkataan dipilih dan ditapis untuk diuji kepada pelajar tersebut. Hasil daripada ujian tersebut menunjukkan prestasi dan tahap penguasaan kosa kata pelajar di tahap yang lemah. Kelemahan mereka dalam penguasaan kosa kata memberi impak negatif terhadap penguasaan bahasa Arab. Dalam usaha menangani hal ini, beberapa solusi boleh dikenal pasti antaranya ialah strategi pembelajaran kosa kata dengan sebaik boleh.

Dalam kajian Abdul Razak et. al (2020,) satu pemerhatian dibuat terhadap pelajar di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tentang penguasaan kosa dengan tujuan untuk menilai kemampuan pelajar menguasai kosa kata. Responden terdiri daripada 59 orang pelajar Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) dan mereka akan menjalani satu ujian penguasaan kosa kata. Beberapa kosa kata dipilih secara berkala dari senarai *Corpus of Contemporary Arabic (CCA)*. Hasil kajian yang diperoleh menunjukkan penguasaan kosa kata dalam kalangan para pelajar berada pada skala yang rendah berdasarkan ujian yang dijalankan. Tahap penguasaan kosa kata pelajar-pelajar terhad kepada kemampuan untuk membezakan perkataan berbentuk kata kerja dan kata nama.

Kajian yang dilakukan oleh Abdul Razak et.al (2020) diperkukuhkan lagi dengan kajian Hasnurol (2020). Menurutnya lagi, leksikografi dan morfologi Arab merupakan sebab utama seorang pelajar ingin menguasai bahasa khususnya dalam sistem pembelajaran di Malaysia yang merupakan bahasa kedua atau bahasa asing. Kegagalan menguasai bahasa Arab berpunca daripada kelemahan mengetahui makna perbendaharaan kata. Ini kerana perbendaharaan kata ialah kunci asas dalam mempelajari apa-apa bahasa sekalipun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 40 kajian dihasilkan berkisarkan tentang aspek makna dan penggunaan kosa kata menerusi pembelajaran dan pengajaran morfologi.

Beralih pula kepada strategi pembelajaran kosa kata Arab, Nur (2022) ada menyebut bahawa aplikasi boleh diserapkan sebagai bahan bantu mengajar untuk menambahkan lagi instrumen pengajaran bahasa Arab. Kebergantungan kepada papan putih dan dakwat dilihat kurang berkesan dalam pembelajaran kosa kata. Realitinya, keberkesanan alat bantu mengajar dapat memanfaatkan kemahiran bahasa Arab. Pandangan tersebut diperkukuhkan lagi dengan Hapsari & Zulherman (2021) iaitu elemen penting penguasaan bahasa Arab ialah kosa kata. Sebagai guru atau pendidik, pendekatan dalam pembelajaran bahasa Arab perlu dimiliki sesuai dengan peredaran semasa untuk memperkukuhkan saiz kosa kata pelajar. Aplikasi Canva ialah antara media berbentuk grafik dalam talian yang semakin mendapat perhatian. Ia sangat sesuai untuk dijadikan bahan bantu pembelajaran seperti poster, video, media sosial, pembentangan dan sebagainya.

Senario yang dipamerkan dalam semua pengkajian ini dapat dilihat pada pelajar UiTM khususnya di kampus Kedah berkaitan kelemahan kosa kata yang dikuasai oleh mereka. Kelemahan kosa kata ini dapat dilihat melalui penghasilan skrip-skrip simulasi dan lakonan (*role-play*) yang dihasilkan oleh mereka agak kurang memuaskan dan memberangsangkan. Ini menggambarkan tahap dan kemampuan pelajar-pelajar terhadap penguasaan kosa kata mereka sendiri. Maka, timbul beberapa persoalan yang berkaitan aspek kosa kata. Ini bermakna penguasaan pelajar terhadap kosa kata yang dipelajari menjadi kunci dan langkah pertama memahami bahasa tersebut serta menguasai tajuk pembelajaran dengan baik. Justeru, kajian ini bertujuan untuk membincangkan isu penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar UiTM Kedah dan mewujudkan aplikasi berbentuk prototaip kosa kata Arab iaitu *Mufradati*.

Metodologi

Kajian ini kajian kuantitatif berbentuk deskriptif untuk menerokai isu penguasaan kosa kata dalam kalangan para pelajar UiTM. Data terkumpul dianalisis secara deskriptif yang bertujuan mendapatkan isu-isu utama tentang masalah kosa kata pelajar. Data dalam kajian ini adalah hasil daripada soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik Nurahimah dan Muhammad Nidzam (2016) dengan beberapa pengubahsuaian. Kemudian, kesahan terhadap soal selidik dibuat dengan bantuan pakar. Soal selidik ini menggunakan skala Likert iaitu 1 = sangat tidak setuju (STS), 2 = tidak setuju (TS), 3 = Neutral (N), 4 = setuju (S) dan 5 = sangat setuju (SS). Item dalam soal selidik mengandungi tiga (3) bahagian iaitu:

Bahagian A: Demografi

Bahagian B: Isu penguasaan kosa kata Arab

Bahagian C: Penggunaan peranti telefon

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) iaitu di Akademi Pengajian Bahasa dan UiTM kampus Kedah. UiTM Kedah dipilih sebagai lokasi kajian kerana ia menawarkan kod kursus bahasa ketiga (bahasa Arab) pada setiap semester.

Populasi dan Persampelan

Populasi kajian terdiri daripada 230 orang mahasiswa UiTM Kedah. Saiz sampel pula terdiri daripada 144 orang mahasiswa dari program ijazah sarjana muda yang mengambil kursus bahasa Arab dipilih secara rawak mudah. Mereka ialah mahasiswa yang mengambil kursus bahasa Arab TAC401 (*Introductory Arabic Part 1*). Saiz sampel ini ditentukan berdasarkan kepada penentuan saiz yang digariskan Krejcie & Morgan (1970).

Analisis Data

Dapatan hasil kajian dianalisis secara deskriptif melalui perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*) versi 28. Pengumpulan data dan maklumat kajian ini dibincangkan secara deskriptif yang membabitkan peratusan, min dan kekerapan. Kaedah deskriptif ini bertujuan mendapatkan nilai yang tepat dan membantu memperhalusi isu kosa kata. Kesudahannya akan membuahkan solusi yang boleh dibina untuk mengatasi masalah tersebut. Dapatan yang telah diperoleh dihuraikan berbanding interpretasi skor min yang diadaptasi daripada Nunnally dan Bernstein (1994).

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

Source: Nunnally dan Bernstein (1994)

Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian dibentangkan kepada jadual berikut mengikut kepada item soal selidik yang telah ditetapkan.

Demografi

Jadual 2 menunjukkan taburan data responden yang melibatkan beberapa item seperti berikut:

Jadual 2: Demografi

Bil	Item	Bilangan/Peratus
Jantina		
1	Lelaki	38 (26.3%)
	Perempuan	106 (73.6%)
Kemahiran ICT		
	Tidak Mahir	0 (0%)
2	Kurang Mahir	23 (16%)
	Mahir	115 (80%)
	Sangat Mahir	6 (4%)
	Jumlah	144 (100%)

Jadual 2 menunjukkan jumlah responden dalam kajian ini terdiri daripada lelaki sebanyak 38 (26.3%) dan perempuan sebanyak 106 (73.6%). Bilangan responden perempuan lebih ramai daripada responden lelaki. Tahap kemahiran ICT dikategorikan kepada empat kategori iaitu sangat mahir seramai 6 orang (4%), kategori mahir sebanyak 115 (80%), kategori kurang mahir pula sebanyak 23 (16%) dan tidak mahir ialah 0.

Isu Penguasaan Kosa Kata Arab

Jadual 3 menunjukkan taburan data berkaitan masalah kosa kata Arab dalam kalangan pelajar seperti berikut:

Jadual 3: Isu Penguasaan Kosa Kata Arab

Bil	Item	STS	TS	N	S	SS	Min
1	Tiada strategi pembelajaran	9 (6.3%)	39 (27.1%)	47 (32.6%)	45 (31.3%)	4 (2.8%)	2.97
2	Kaedah pengajaran yang tidak menarik	12 (8.3%)	43 (29.9%)	53 (36.8%)	31 (21.5%)	5 (3.5%)	2.82
3	Alat pengajaran yang tidak berkesan	10 (6.9%)	54 (37.5%)	45 (31.3%)	31 (21.5%)	4 (2.8%)	2.76
4	Kekurangan aktiviti pembelajaran yang mengkhususkan kepada kosa kata	8 (5.6%)	39 (27.1%)	47 (32.6%)	42 (29.2%)	8 (5.6%)	3.02
5	Kesukaran menguasai makna perkataan	8 (5.6%)	23 (16%)	37 (25.7%)	58 (40.3%)	18 (12.5%)	3.38
6	Kesukaran menguasai sebutan perkataan	12 (8.3%)	32 (22.2%)	46 (31.9%)	44 (30.6%)	10 (6.9%)	3.06
7	Kesukaran mengeja perkataan Arab	10 (6.9%)	35 (24.3%)	37 (25.7%)	48 (33.3%)	14 (9.7%)	3.15
8	Kesukaran menghafal kosa kata Arab	10 (6.9%)	29 (20.1%)	36 (25%)	52 (36.1%)	17 (11.8%)	3.26
9	Masalah komunikasi Arab	5 (3.5%)	19 (13.2%)	42 (29.2%)	58 (40.3%)	20 (13.9%)	3.48
	Jumlah						3.1

Berbandukan jadual 4, dapat diperhatikan skor min bagi isu penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan responden. Pernyataan satu menunjukkan skor min 2.97 bagi masalah tiada strategi

pembelajaran interpretasi sederhana rendah. Ini menunjukkan sebahagian daripada responden tiada strategi pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Pernyataan dua memaparkan skor min 2.82 dengan interpretasi sederhana rendah terhadap isu kaedah pengajaran yang tidak menarik. Ini menjadi penanda aras dan nilai tambah kepada kaedah pengajaran yang perlu dipertingkatkan kualiti dan ditambah baik. Tidak kurang juga pernyataan tiga menyumbang kepada nilai skor min 2.76 dengan interpretasi sederhana rendah yang menjadi kayu ukur kepada keberkesanan alat pengajaran dalam penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan responden.

Pernyataan empat pula berkait rapat dengan kekurangan aktiviti pembelajaran yang mengkhususkan kepada kosa kata menunjukkan skor min sebanyak 3.02 dengan interpretasi sederhana tinggi. Oleh itu, ini menunjukkan penekanan terhadap aktiviti pembelajaran kosa kata Arab adalah relevan dan perlu diberi penekanan. Pernyataan lima menunjukkan tahap kesukaran menguasai makna perkataan dalam kalangan responden memberikan angka skor min sebanyak min 3.38 dengan interpretasi sederhana tinggi. Tambahan lagi, kesukaran menguasai sebutan perkataan dengan skor min 3.06 memberikan gambaran terhadap kelemahan responden dengan sebutan perkataan Arab dan bersetuju secara konsensus dengan masalah tersebut serta memerlukan tunjuk ajar.

Pernyataan tujuh dan lapan berhubung kait dengan kesukaran mengeja perkataan Arab dan kesukaran menghafal kosa kata Arab menunjukkan skor min masing-masing iaitu iaitu 3.15 dan 3.26. Ini satu tamparan hebat daripada responden yang bersetuju terhadap isu tersebut dan memerlukan nilai tambah terhadap isu ini. Manakala pernyataan sembilan pula menunjukkan nilai skor min tertinggi sebanyak 3.48 dan majoriti responden bersetuju bahawa mereka memerlukan satu platform khusus untuk menguasai komunikasi dengan kosa kata Arab. Hasil dapatan ini dapat dilihat interpretasi skor min menerusi jadual berikut:

Jadual 4: Interpretasi Skor Min Isu Penguasaan Kosa Kata Arab

Bil	Item	Min	Interpretasi
1	Tiada strategi pembelajaran	2.97	Sederhana rendah
2	Kaedah pengajaran yang tidak menarik	2.82	Sederhana rendah
3	Alat pengajaran yang tidak berkesan	2.76	Sederhana rendah
4	Kekurangan aktiviti pembelajaran yang mengkhususkan kepada kosa kata	3.02	Sederhana tinggi
5	Kesukaran menguasai makna perkataan	3.38	Sederhana tinggi
6	Kesukaran menguasai sebutan perkataan	3.06	Sederhana tinggi
7	Kesukaran mengeja perkataan Arab	3.15	Sederhana tinggi
8	Kesukaran menghafal kosa kata Arab	3.26	Sederhana tinggi
9	Masalah komunikasi Arab	3.48	Sederhana tinggi
	Jumlah	3.1	Sederhana tinggi

Penggunaan Peranti Telefon

Jadual 5 menunjukkan penggunaan peranti dalam kalangan responden terdiri daripada pengguna android OS dan iPhone Os. Android OS menjadi pilihan utama dengan jumlah sebanyak 74 (51.4%) manakala iPhone Os menjadi pilihan kedua tertinggi peranti dengan jumlah 70 (48.6%). Beralih kepada kemudahan capaian internet, rata-rata penggunaan internet lebih cenderung kepada penggunaan internet secara wifi atau wireless dengan jumlah sebanyak 108 (75%). Rasionalnya, capaian internet secara wifi lebih mudah untuk dijaringkan dalam apa jua peranti sama ada telefon pintar atau komputer riba.

Diikuti capaian internet kedua tertinggi ialah akses internet berwayar dengan jumlah sebanyak 24 (16.7%). Penggunaan internet jalur lebar (*broadband*) pula merekodkan jumlah seramai 12 (8.3%). Dari aspek kemudahan pelayar internet, terpampang dengan jelas bahawa pelayar internet utama responden ialah Google Chrome sebanyak 110 (76.4%). Hal ini berlaku disebabkan Google Chrome ialah pelayar internet yang pantas dan mudah. Diikuti pula Safari mendapat tempat kedua dalam kalangan responden dengan jumlah 30 (20.8%) dan ketiga ialah Microsoft Edge dan Opera sebanyak 2 (1.4%).

Jadual 5: Penggunaan Peranti Telefon

Bil	Item	Bilangan/Peratus
1	Sistem Pengendalian Telefon Pintar	
	Android OS	74 (51.4%)
	iPhone Os/iOS	70 (48.6%)
2	Kemudahan Capaian Internet	
	Akses internet berwayar	24 (16.7%)
	Internet (WiFi/Wireless)	108 (75%)
	Langganan internet jalur lebar (<i>broadband</i>)	12 (8.3%)
3	Kemudahan Pelayar Internet	
	Google Chrome	110 (76.4%)
	Microsoft Edge	2 (1.4%)
	Opera	2 (1.4%)
	Safari	30 (20.8%)

Secara dasarnya, responden memberikan refleksi positif terhadap soal selidik. Respon yang diterima menunjukkan tahap pembelajaran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan responden. Justeru, dapat dikatakan bahawa pembelajaran kosa kata bahasa Arab boleh dijalankan dengan dengan platform teknologi yang boleh menjadi penyeri dan penghibur dalam pembelajaran kosa kata. Selain itu, dapatan juga menunjukkan majoriti pelajar mahir dengan kemahiran ICT dan ini satu bonus kepada mereka yang hidup di zaman berteknologi. Ini menjadi satu transformasi pembelajaran kepada platform teknologi bersesuaian dengan senario generasi masa kini yang lebih mesra dengan teknologi.

Oleh itu, ini membuahkan cadangan kepada kewujudan platform pembelajaran kosa kata bahasa Arab yang dikenali sebagai *Mufradati*. Platform ini lebih berbentuk aplikasi atau prototaip yang dibangunkan bagi membantu proses pembelajaran kosa kata bahasa Arab lebih menarik dan tidak membosankan. Apa yang dinyatakan ini bersesuaian dengan kenyataan Cahyani et.al (2021) bahawa reka bentuk kosa kata bahasa Arab yang ingin dibangunkan boleh membantu kosa kata dan pemahaman para pelajar. Kesuma (2021) juga menyatakan pandangan bahawa pendekatan dan media pembelajaran harus dikembangkan supaya pelajar-pelajar tidak bosan dengan pendekatan yang dilaluinya.

Aplikasi Kosa Kata Bahasa Arab *Mufradati*

Aplikasi *Mufradati* ini dibangunkan sebagai memenuhi keperluan pelajar UiTM Kedah dalam pembelajaran kosa kata Bahasa Arab. Aplikasi yang diwujudkan ini mengandungi beberapa komponen seperti berikut:


Paparan Muka Hadapan Aplikasi

Aplikasi ini dimulakan dengan paparan muka hadapan. Paparan tersebut memerlukan email

dan kata laluan untuk masuk ke dalam kandungan modul. Paparan seterusnya akan terpapar dan membawa pengguna untuk membolehkan pengguna meneroka setiap kandungan yang ada.




Rajah 1: Paparan Muka Hadapan
Pembinaan Kandungan Aplikasi



Rajah 2: Kandungan Modul

Paparan skrin menu utama dalam rajah 2 mengandungi modul yang dimuatkan dalam aplikasi tersebut. Dalam skrin menu dipaparkan tajuk pelajaran sebagaimana yang telah disusun dalam silibus. Pengguna boleh memilih dan menekan butang tajuk pelajaran kandungan modul untuk menerokai kandungan pelajaran. Setiap topik pelajaran tersebut mengandungi kosa kata dan konten lain untuk pengguna.


Pembinaan Tajuk dan Aktiviti



Rajah 3: Tajuk Dan Aktiviti


Pembinaan skrin tajuk dan aktiviti akan memaparkan kosa kata dan aktiviti yang tersedia dalam modul tersebut. Pengguna boleh menekan butang kosa kata untuk melihat senarai kosa kata yang tersenarai dalam modul beserta dengan contoh penggunaan kosa kata dalam ayat. Butang aktiviti pula memaparkan aktiviti untuk pengguna sebagai pengukuhan dan refleksi kepada kosa kata yang dipelajari.

Paparan Skrin Menu Kosa Kata



Rajah 4. Skrin Menu Kosa Kata

Rajah 4 menunjukkan paparan menu kosa kata yang tersenarai dalam aplikasi. Pengguna mempunyai kebebasan untuk memilih mana-mana bebutang perkataan yang diinginkan dan setiap kosa kata tersebut akan memaparkan contoh penggunaannya dalam ayat. Kemudian, pengguna boleh mendengar audio sebutan perkataan tersebut dalam contoh ayat sebagaimana dalam rajah 5.



Rajah 5: Audio Perkataan

Paparan Skrin Aktiviti

Skrin aktiviti akan dipaparkan sekiranya pengguna menekan butang aktiviti. Dalam paparan aktiviti ini, dipaparkan kuiz sebagai latihan kosa kata untuk pengguna dan beberapa perkataan tersenarai dan terdapat pilihan jawapan disertakan. Pengguna boleh memilih jawapan yang sesuai dengan perkataan yang terpampang dan setelah selesai aktiviti tersebut, markah akan dipamerkan sepertimana dalam rajah 6.

الدَّرْسُ الْأَوَّلُ - الْأَنْشِطَةُ - ١




Kuiz 1 : Aneka Pilihan

Pilihan Jawapan	Soalan	Bilangan
-Jawapan-	تَفَعَّلُ	(1)
-Jawapan-	أَنْظَفُ	(2)
-Jawapan-	أَغْسَلُ	(3)
-Jawapan-	أَسَاعَدُ	(4)
-Jawapan-	أَشَاهِدُ	(5)
-Jawapan-	أَسْتَرِيحُ	(6)
-Jawapan-	تَلْتَقِي	(7)

Rajah 6: Aktiviti Aneka Pilihan

الدُّرس الأول - الأُنشِطة - ٢

Kuiz 2 : Suai Padan

Gambar/Kalimat	Jawapan	Soslan	Bilangan
		أَسَاعِدُ	(1)
		يَنْظِفُ	(2)
		يُرَاجِعُ	(3)

Rajah 7: Aktiviti Suai Padan

Rajah 7 menunjukkan aktiviti kedua yang dimuatkan dalam modul aplikasi ini yang disebut aktiviti suai padan. Setelah selesai aktiviti pertama dilakukan, pengguna boleh beralih pula ke aktiviti kedua. Kos kata akan tertera dalam aktiviti kedua ini dan pengguna dikehendaki untuk menyuaikan perkataan-perkataan tersebut dengan gambar sebagai padanan sesuai.

Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil kajian menjawab kepada isu pembelajaran kos kata Bahasa Arab dan keperluan aplikasi. Tuntasnya, penerapan aplikasi dalam pembelajaran kos kata ialah elemen menyeronokkan kerana wujud elemen teknologi. Pembelajaran kos kata bahasa Arab boleh diperkayakan dengan kreativiti dan inovasi yang boleh dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Natiujahnya, elemen media dalam pembelajaran bukan sahaja meningkatkan motivasi malah boleh meningkatkan minat para pelajar khususnya UiTM Kedah lebih fleksibel ketika menjalani proses pembelajaran. Platform ini dapat membantu meningkatkan kemahiran kos kata bahasa.

Penghargaan

Artikel ini hasil penyelidikan Geran Penyelidikan MyRA Universiti Teknologi MARA (UiTM) bertajuk Pembangunan Aplikasi Kos Kata Bahasa Arab Komunikasi *Mufradati* Pelajar UiTM (600-RMC/GPM LPHD 5/3 (188/2021). Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada UiTM kerana membiayai penyelidikan ini dan jutaan terima kasih kepada responden yang terlibat dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Abdul Razak, Z. R., Samah, R., Ismail, S. (2020). Tahap Penguasaan Kos Kata Bahasa Arab Pelajar Universiti: Satu Kajian Korpus di Universiti Sains Islam Malaysia. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)* 10(1), 71-80.
- Afaria, Z. (2020). Pengaruh Program Matrikulasi terhadap Kemampuan Berbahasa Arab Mahasiswa Baru Pendidikan Bahasa Arab. *Tatsqifiy: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab* 1(2), 101-111.

- Aizan, Y., Shapii, A., Saad, A. A., al-Rahmi, W. M. Alias, N. (2018). Vocabulary Learning Strategies (VLSS) Through Secondary Students at Saudi School in Malaysia (SSM): A Pilot Study. *International Education & Research Journal*, 4(2), 48-53.
- Azzikri, M. H. (2019). Pengembangan M-Kamus Istilah Penelitian dalam Bahasa Arab bagi Mahasiswa Pendidikan Bahasa Arab Universitas Negeri Semarang. *LISANIA: Journal of Arabic Education and Literature*, 3(2), 128-142.
- Cahyani, A., Fauzan, M., Putri, K. A. R., Larasati, A. D., Sakdiyah, N. H., Tohuri, A. (2021). Arabic Vocabulary: Konsep Aplikasi Berbasis Augmented Reality untuk Meningkatkan Penguasaan Kosakata Bahasa Arab. *Journal of Language, Literature, and Arts* 1(8), 1158-1170.
- Ewais, A. & Troyer, O. De. (2019). A Usability and Acceptance Evaluation of The Use of Augmented Reality for Learning Atoms and Molecules Reaction by Primary School Female Students In Palestine. *Journal of Educational Computing* 57(7), 1-27.
- Hasnurol Hashim, Kaseh Abu Bakar, Maheram Ahmad. (2020). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Menerusi Pengetahuan Makna Dan Penggunaannya. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 21(2020), 157-171.
- Hapsari, G. P. P., Zulherman. (2021). Pengembangan Media Video Animasi Berbasis Aplikasi Canva Untuk Meningkatkan Motivasi Dan Prestasi Belajar Siswa. *Jurnal BASICEDU* 5(4), 2384-2394.
- Kesuma, M. K., Kesuma, C. G., Saputra, D. (2021). Rancangan Media Pembelajaran Kosa Kata (Mufrodad) Bahasa Arab Berbasis Game Android. *SIENNA* 2(1), 32-42.
- Koderi, Zuliana, E., Budiman, A. (2021). Implementasi Strategi Mimicry memorization pada Pembelajaran Mufradat Bahasa Arab bagi Siswa Madrasah Ibtidaiyahmin 7 Bandar Lampung. *al-Fathin* 4(1), 49-61.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W., (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological Measurement.
- Mohd, R. A. S., Zanaton, I., Fariza, K. (2022). Analisis Keperluan: Pembangunan Aplikasi Mudah Alih Sains Tahun Lima Sekolah Kebangsaan Luar Bandar di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia* 12(2), 1-15.
- Nur, S. J., Murli, N. (2022). Pembangunan Aplikasi Salam Arabic. *Applied Information Technology and Computer Science* 3(1), 60-74.
- Nunnally. J.C. & Bernstein. I.H. (1994). *Psychometric Theory (3rd ed.)*. New York: McGraw-Hill.
- Nurahimah, M. Y. & Muhammad Nidzam, Y. (2016). Analisis Fuzzy Delphi Terhadap Peluang Pelaksanaan M-Pembelajaran Dalam Kalangan Pensyarah Diinstitit Pendidikan Guru Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, Jilid 11, 32-50.
- Samah, R., Isahak, A., Mohd Nathir, K. A., Abdul Majid, M. Y., Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, Ahmad, H. (2023). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Bidang Sastera Dalam Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(4): 64-77.
- Zaini, A. R., Abd Rahman, K., Husaini, M. H., Elias, K. A., Samsudin, S., Abd Rahman, M. Z. (2016). Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Berbantuan Aplikasi. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016, (IRSYAD2016)*. Shah Alam, 10 Mei 2016.